

09/11/1998

Pusat reka bentuk tingkat mutu perabot

AYER TAWAR, Ahad - Mutu perabot dihasilkan di negara ini dapat dipertingkatkan bagi memenuhi permintaan pasaran antarabangsa dengan penubuhan Pusat Rekabentuk Perabot Malaysia (PRPM), baru-baru ini.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata pusat itu yang dijangka dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berupaya menjadi pemangkin kepada peningkatan mutu perabot tempatan.

Menurutnya, untuk memenuhi pasaran antarabangsa dan mendapatkan harga tinggi, perabot yang dihasilkan mesti mempunyai mutu reka bentuk berkualiti dan tersendiri.

"Kebanyakan perabot buatan tempatan yang dieksport mempunyai mutu yang baik dan diterima pasaran antarabangsa bukan saja di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, malah di beberapa negara lain," katanya selepas merasmikan Pertandingan IQ, di sini, hari ini.

Lim berkata, PRPM yang sepatutnya ditubuhkan dua bulan lalu akan mengkaji setiap reka bentuk perabot yang dihasilkan dalam negara untuk memenuhi permintaan pada peringkat antarabangsa.

"Reka bentuk perabot mesti dibuat di negara ini dan boleh diterima pada peringkat antarabangsa dan kerana itu kita patut tahu apa jenis perabot yang mereka mahukan dan juga jenis kayu yang sesuai bagi tujuan itu," katanya.

Melalui pusat itu, pelbagai kursus berkaitan diadakan bagi menambah pakar reka bentuk perabot tempatan.

"Kita boleh gunakan kemudahan yang ada untuk menjalankan kursus bagi melatih pakar reka bentuk perabot tempatan dalam menghasilkan perabot bermutu tinggi," katanya.

(END)